

30 AUG 2002

Merdeka-Khutbah (Bergambar)

UMAT ISLAM DIMINTA PERTAHANKAN NEGARA DARIPADA SEBARANG ANCAMAN

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Umat Islam di negara ini diminta menggembleng tenaga dan bertekad mempertahankan tanah air daripada sebarang ancaman sama ada dari dalam atau luar terhadap akidah, bangsa dan keselamatan negara.

Imam Masjid Negara Datuk Pirdaus Ismail berkata berkorban jiwa dan raga untuk mempertahankan kemerdekaan daripada penjajahan merupakan antara cabang jihad yang disanjung tinggi oleh agama.

Katanya Islam diturunkan Allah sebagai agama yang menjamin kesejahteraan dan keselamatan umat serta menitikberatkan soal pemerintahan dan pembentukan negara yang merdeka.

"Islam juga menuntut umatnya agar sanggup berkorban untuk menubuhkan sebuah negara merdeka," katanya semasa menyampaikan khutbah khas Solat Jumaat sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-45 esok di Masjid Negara di sini, hari ini. Teks khutbah itu turut dibaca di semua masjid di seluruh negara.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berangkat menunaikan solat Jumaat di masjid itu. Turut sama ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beberapa menteri kabinet.

Pirdaus berkata sebagai umat yang bermoral dan bertanggungjawab, umat Islam wajib menghormati dan mengenang jasa pahlawan tanah air sama ada yang masih hidup atau yang telah terkorban kerana perjuangan mereka juga diiktiraf Allah.

Katanya pengorbanan pejuang yang membawa kemerdekaan negara seperti tokoh politik, cendekiawan dan ulama tidak boleh dilupakan kerana generasi hari ini menikmati kehidupan hasil perjuangan mereka.

Beliau mengajak umat Islam tidak mengulangi sejarah Si Kitol dan Raja Mendeliar yang tidak setia kepada Kerajaan Melayu Melaka dan sanggup bekerjasama dengan penjajah untuk melemahkan dan menyerahkan negara kepada kuasa asing.

Kedatangan Islam di dunia ini juga membawa sifat kemerdekaan dengan menyeru manusia membebaskan diri dan pemikiran dari penjajah dan syirik kepada Allah, katanya.

Beliau berkata selepas mencapai kemerdekaan, masyarakat berbilang-bilang bangsa di Malaysia hidup dalam keadaan aman melalui dasar kebebasan beragama dan mengamalkan budaya masing-masing.

Penghayatan Islam di Malaysia menjadi ramuan kepada pengukuhan perpaduan seperti ketika ini tanpa sebarang masalah di kalangan masyarakat bukan Islam, katanya.

Pirdaus berkata dunia juga mengakui kebolehan Malaysia dan sering dijadikan rujukan sebagai negara dunia ketiga yang mencapai kejayaan.

"Tetapi janganlah kita leka, kita harus menanam kewaspadaan di dalam diri kita sepanjang masa. Ini kerana sejak akhir-akhir ini, Islam bukan sahaja di negara kita, bahkan di seluruh dunia telah ditonjolkan dengan identiti negatif dan imej yang tidak baik," katanya.

Katanya tindakan itu termasuk menggunakan istilah globalisasi dan yang terbaru, memerangi keganasan dicetuskan pihak tertentu untuk melakukan penjajahan alaf baru dari segi ekonomi dan politik selain usaha berterusan mereka mahu melenyapkan Islam di dunia.

Beliau berkata salah faham dan gambaran negatif mengenai Islam itu dikhuatiri akan mempengaruhi kestabilan dan keharmonian kaum di Malaysia.

Justeru, katanya umat Islam perlu menunjukkan contoh terbaik kepada

masyarakat majmuk di negara ini dengan saling memahami dan menghormati antara satu sama lain dan mengelakkan perkara yang boleh mencetuskan perkauman dengan sentiasa menyelesaikan masalah secara terbuka.

"Kita harus kekalkan Malaysia sebagai sebuah negara contoh kepada dunia luar, marilah sama-sama kita kekalkan permuafakatan yang telah wujud sejak 45 tahun yang lalu dan menjadi tunjang kepada kecemerlangan negara," katanya.

-- BERNAMA

RZS AHH NAK